



29 AUG, 2019

Pemasangan tak sempurna punca kemalangan elektrik

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Pemasangan tak sempurna punca kemalangan elektrik

KOTA BHARU - Suruhanjaya Tenaga (ST) merekodkan 1,005 kes kemalangan elektrik dari tahun 2002 hingga Ogos tahun ini dengan 499 kes kematian dan 506 kes kecederaan.

Pengarah Jabatan Kawal Selia Keselamatan ST, Ir. Md. Zakuani Ibrahim berkata, jumlah itu termasuk 31 kes di seluruh negara pada tahun ini yang membabitkan 9 kematian dan 22 kecederaan.

"Daripada siasatan yang dilakukan, pemasangan yang tidak sempurna adalah penyumbang utama kepada kes kemalangan iaitu sebanyak 36 peratus diikuti kegagalan mematuhi prosedur kerja selamat iaitu

30 peratus.

"Selebihnya adalah penyalahgunaan sistem pendawaian, kerosakan perkakasan elektrik, pencerobohan dan aktiviti orang awam di kawasan pemasangan elektrik," katanya.

Beliau bermakna demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Mempertingkatkan Kesedaran Keselamatan Elektrik dan Gas Secara Berkesan di sini semalam.

Seminar itu dihadiri 200 peserta daripada pelbagai pihak termasuk jabatan kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pengimpor dan penjual kelengkapan elektrik, hotel, kontraktor serta pengusaha dobi bagi

meningkatkan kesedaran berhubung isu keselamatan elektrik dan gas berpaip.

Kata Md. Zakuani, ST memandang serius berhubung kes yang membabitkan kemalangan elektrik kerana ia melibatkan hidup dan mati seseorang.

Kes melibatkan kemalangan elektrik menurun dari semasa ke semasa dan hanya 31 kes dilaporkan sehingga Ogos tahun ini berbanding 56 kes sepanjang tahun lalu.

Dalam pada itu, beliau berkata, pengusaha dobi khususnya dobi layan diri yang beroperasi selama 24 jam perlu memastikan sistem perpaipan gas yang dipasang memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam Akta Bekalan Gas 1993 dan Peraturan-peraturan Gas 1997.



MD. ZAKUANI



PENGUSAHA dobi layan diri yang beroperasi selama 24 jam perlu memastikan sistem perpaipan gas yang dipasang memenuhi keperluan yang ditetapkan untuk mengelak kemalangan. – Gambar hiasan



29 AUG, 2019

Pemasangan tak sempurna punca kemalangan elektrik

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA BHARU - Suruhanjaya Tenaga (ST) merekodkan 1,005 kes kemalangan elektrik dari tahun 2002 hingga Ogos tahun ini dengan 499 kes kematian dan 506 kes kecederaan. Pengarah Jabatan Kawal Selia Keselamatan ST, Ir. Md. Zakuan Ibrahim berkata, jumlah itu termasuk 31 kes di seluruh negara pada tahun ini yang membabitkan 9 kematian dan 22 kecederaan.